



MAJLIS SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA PERINGKAT MALAYSIA TAHUN 2019



Pada 3 November 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku agensi *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat) di Malaysia telah menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019 dengan kerjasama Kerajaan

Negeri Melaka. Tema bagi sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini adalah ***“Transforming Waste to Wealth”***. Majlis ini dirasmikan oleh YAB Tuan Adly bin Zahari, Ketua Menteri Melaka, bersama-sama YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri KPKT. Turut dihadiri Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri KPKT dan Dato’ Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian.

Majlis ini diadakan bersekali dengan Majlis Pelancaran Dasar Kebersihan Negara, Sambutan Hari kitar Semula Kebangsaan 2019 dan perasmian Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Melaka. Objektif utama sambutan Hari Habitat Sedunia adalah untuk membangkitkan kesedaran kepada semua masyarakat berkenaan pentingnya tempat tinggal yang selesa, persekitaran yang permai dan bandar yang selamat.

Program ini dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa tanggungjawab menjaga kebersihan bukan hanya terletak pada kerajaan malah pada semua lapisan masyarakat turut bertanggungjawab dan perlu bersama-sama menjaga kebersihan terutamanya di kawasan kediaman dan persekitaran.

Antara program dan aktiviti menarik yang telah dilaksanakan oleh KPKT adalah seperti:

- I. Pertandingan Photojournalism;
- II. Pertandingan Pidato;
- III. Pertandingan Video Pendek;
- IV. *Habitat Awareness*; dan
- V. *Anugerah National Scroll of Honour for Human Settlements*.



Semasa sidang media, YB Zuraida menekankan agar rakyat memberikan sokongan kepada Dasar Kebersihan Negara kerana pihak kerajaan sedang melancarkan kempen-kempen untuk memperingatkan rakyat agar tidak membuang sampah merata-rata seperti kempen 'Berani Tegur' dengan memberi galakan kepada rakyat Malaysia supaya berani menegur kepada sesiapa sahaja yang tidak membuang sampah ke dalam tong sampah.

Di samping itu, sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan yang disambut setiap tahun juga merupakan usaha kerajaan dalam mempromosikan amalan *Reduce, Reuse, Recycle (3R)* ke arah meningkatkan kadar kitar semula negara. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh agensi antaranya ialah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (SWCORP) iaitu:

- I. Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS 2019)
- II. Pertandingan *Waste To Art* 2019; dan
- III. Anugerah *Appreciation of Best Practices on Solid Waste Management* 2019.



Selain dalam usaha mendidik masyarakat ke arah pembangunan komuniti setempat yang lebih harmoni, KPKT telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Melaka yang dilantik dari kalangan pegawai-pegawai KPKT dan berperanan untuk membantu penduduk di PPR Tehel agar mempelbagaikan aktiviti kemasyarakatan, menjana pendapatan melalui program dan aktiviti yang dirancang secara bersama serta memperkasakan komuniti penduduk setempat.